

Kesan Bekerja Secara Sambilan ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar
(*The Impact of Part-Time Job on Students' Academic Performance*)

AMSYAR HASIF ABDUL TAIB & SUHAILA SAAD*

ABSTRAK

Kemudahan teknologi telah membantu memudahkan akses pelajar kepada pelbagai bentuk kerja sambilan. Kesannya, ramai pelajar memilih untuk bekerja sambil belajar. Penglibatan pelajar dengan kerja sambilan dapat memberi pengalaman dan ilmu yang berguna disamping menjadi platform terbaik untuk pelajar mempraktikkan ilmu yang sebelum ini hanya dipelajari secara teori. Namun begitu, kerja sambilan juga boleh memberi kesan negatif khususnya keatas prestasi akademik pelajar ekoran daripada pelbagai faktor termasuklah kegagalan menguruskan masa dengan baik. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat hubungan di antara kerja sambilan dan prestasi akademik pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Seramai 105 orang pelajar telah dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik. Seterusnya, data yang diperolehi dari soal selidik ini dimasukkan ke dalam perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) untuk tujuan analisis. Kajian ini menggunakan analisis regresi dengan kaedah penganggaran kuasa dua terkecil (*Ordinary Least Square, OLS*). Dapatan kajian jelas menunjukkan kerja sambilan memberi implikasi negatif keatas prestasi akademik pelajar. Walaupun pelajar memperolehi banyak ilmu dari kerja sambilan tetapi ketidakmampuan menguruskan masa dengan baik telah memberi kesan buruk kepada prestasi akademik mereka. Justeru, kerajaan bersama-sama organisasi bukan kerajaan yang berkaitan perlu mencari cara terbaik untuk mengurangkan penyertaan pelajar dengan kerja sambilan dengan membantu menangani masalah kewangan mereka.

Kata kunci: Kerja sambilan, kerja separuh masa, pencapaian akademik, keputusan akademik, pelajar universiti

ABSTRACT

Technology has helped students' access to a variety of part-time jobs. As a result, many students choose to work while studying. Students involved in part-time jobs would have useful experience and knowledge as well as a great platform for them to practically apply the knowledge they had learnt in class. However, part-time jobs can also have a negative impact mainly on students' academic performance which may derived by various factors including bad time management. Hence, this study designed to examine the relationship between part-time job and academic performance amongst student of Faculty Economics and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia. About 105 students are chosen as respondents to answer the questionnaire. Further, the data obtained from this survey has transferred into the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software for analysis purpose. This study uses multiple regression analysis using ordinary least square (OLS) estimation technique. The finding clearly indicates part time jobs have a negative impact on student's academic performance. Even though the students garner a lot of knowledge during working but the inability to manage the time has affected academic performance negatively. Hence, the governments and non-government related organisation have to find the solution to reduce the participation of students into working as a part-time worker by helping to solve their financial difficulties.

Keywords: Temporary jobs, part-time jobs, academic performance, academic result, university students

PENGENALAN

Peningkatan kos sara hidup bukan sahaja membebaskan isi rumah malah kesannya turut dirasakan oleh golongan pelajar. Pelajar yang tersepit dengan masalah kewangan akan mencari pendapatan alternatif seperti melakukan kerja-kerja sambilan termasuklah bekerja di restoran makanan segera, pasaraya, stesen minyak serta sesetengahnya mengambil upah mengajar kelas tambahan. Selain daripada itu, perkembangan teknologi turut membuka ruang lingkup kerja sambilan menjadi lebih mudah dan meluas seperti perniagaan atas talian dan menawarkan perkhidmatan pengangkutan *e-hailing*. Kesan daripada ledakan teknologi, pelajar tidak lagi sukar untuk mencari pekerjaan sambilan apabila berhadapan dengan kekangan kewangan. Walaupun terdapat pelajar yang melakukan kerja sambilan untuk menambah pengalaman, namun, kebanyakannya berkerja secara sambilan untuk memenuhi tuntutan kewangan bagi membiayai kos pengajian serta kos harian di universiti.

Beberapa tahun yang lalu, berita tentang seorang pelajar universiti tempatan dimasukkan ke hospital kesan daripada menahan lapar akibat kekangan kewangan telah memenuhi dada-dada akhbar tempatan (Malaymail 2016; Malaysiakini 2016). Masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar bukanlah perkara baru tetapi kes ini telah membuka mata banyak pihak tentang isu kewangan yang meruncing dalam kalangan pelajar universiti. Pelbagai inisiatif diambil oleh pihak universiti dan pihak luar termasuk pusat zakat dengan menyediakan makanan secara percuma, memberi subsidi makanan tertentu serta memberikan kupon makanan kepada pelajar yang memerlukan. Namun begitu, keperluan kewangan pelajar bukan hanya kepada makanan malah keperluan-keperluan lain seperti kos penginapan bagi pelajar yang tidak mendapat kolej kediaman, kos pengangkutan dan kos bahan pengajian yang lain. Tambahan lagi, terdapat kursus tertentu dalam pengajian yang memerlukan pelajar untuk melakukan kerja kursus di luar kawasan yang mana sudah pasti memerlukan peruntukan kewangan sendiri. Justeru, untuk menampung semua perbelanjaan ini, pelajar memilih untuk mencari pendapatan sendiri dengan melakukan kerja sambilan ketika masih belajar.

Kerja sambilan menyediakan peluang kepada pelajar untuk mendapatkan wang tambahan dan membantu mengurangkan masalah kewangan mereka. Selain itu, ia juga boleh membantu pelajar agar lebih memahami teori yang telah dipelajari di dalam kuliah khususnya bagi mereka yang memilih kerja sambilan berkaitan dengan bidang pengajian. Jika sebelum ini, pelajar memahami sesuatu konsep berdasarkan

pembelajaran di dalam kuliah serta melalui rujukan buku teks, tetapi dengan kerja sambilan yang sesuai, mereka dapat pendedahan kepada konsep tertentu secara langsung. Menurut Carney et al. (2005) pada fasa ini pelajar akan mendapat banyak pengalaman yang berguna kepada mereka. Oleh itu, kerja sambilan secara tidak langsung dapat membantu pelajar lebih menguasai pelajaran mereka melalui pengalaman yang diperolehi.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga kajian lepas yang membuktikan kerja sambilan bukan sahaja tidak membantu memperbaiki prestasi pelajar, tetapi juga berupaya mengganggu prestasi akademik mereka (Mardelina & Muhson 2017; Mulok 2017; Wang et al. 2010). Antara punca yang menyebabkan kemerosotan prestasi akademik pelajar yang bekerja sambilan adalah kegagalan menguruskan masa dengan baik. Pelajar yang bekerja sambilan mempunyai limitasi masa belajar berbanding rakan-rakan sepengajian yang lain kerana masa yang sepatutnya digunakan oleh mereka untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran telah digunakan sebahagiannya untuk mencari pendapatan. Kekangan masa akan memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik jika pelajar gagal menguruskan masa dengan baik. Ukpung and George (2013) dalam kajian mereka menegaskan pelajar yang memperuntukan masa belajar yang lebih lama mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik. Selain itu, pelajar yang bekerja secara sambilan juga menghadapi masalah kurang fokus di dalam kelas disebabkan keletihan. Kerja sambilan juga menjadi penyebab kurangnya minat belajar kerana kecenderungan mereka kepada kerja yang memberikan pulangan berbentuk fizikal iaitu wang. Tambahan lagi, kebanyakan pelajar juga melakukan kerja sambilan yang tidak seiring dengan bidang pengajian mereka. Kesannya, tidak banyak dapat mereka pelajari daripada pengalaman tersebut. Justeru, kajian ini dilakukan keatas pelajar FEP dengan andaian kerja sambilan yang dilakukan oleh mereka sesuai dengan bidang pengajian di universiti. Objektif kajian ini adalah melihat kesan kerja sambilan ke atas prestasi akademik pelajar FEP atau spesifiknya, kajian ini dibuat untuk melihat sama ada ilmu daripada kerja sambilan yang dilakukan membantu pelajar mendapat keputusan akademik yang lebih baik atau kegagalan menguruskan masa mempunyai lebih besar impaknya ke atas keputusan akademik pelajar.

Sumbangan kajian ini yang pertama adalah fokus analisisnya merupakan pelajar yang mempunyai latar belakang ekonomi, pengurusan dan perakaunan, dengan andaian kebanyakan kerja sambilan adalah praktikal kepada kelompok ini. Melalui kerja sambilan, pelajar secara tidak langsung dapat memahami bidang

pengajian mereka dengan lebih baik dan membantu meningkatkan prestasi akademik. Kedua, kajian ini juga diharapkan dapat menambahkan kajian yang sedia ada berkenaan hubungan di antara kerja sambilan dan prestasi akademik pelajar, tetapi dalam konteks yang terkini. Hal ini demikian kerana, persekitaran pembelajaran pelajar kini berbeza berbanding dahulu seperti akses mereka kepada kerja sambilan adalah lebih mudah dan semakin ramai pelajar dapat melibatkan diri dengan kerja sambilan. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi gambaran situasi semasa di mana kerja sambilan bukan lagi asing kepada pelajar. Seterusnya, sumbangan ketiga kajian ini adalah menyediakan maklumat kepada pembuat dasar khususnya Kementerian Pendidikan dalam merangka dasar yang lebih baik dan komprehensif serta mencari penyelesaian terbaik kepada masalah kewangan pelajar. Bahagian kedua artikel ini akan membincangkan sorotan kajian lepas yang mengetengahkan isu berkenaan kerja sambilan dalam kalangan pelajar. Bahagian seterusnya, menjelaskan tentang metodologi kajian yang merangkumi cara pengumpulan data dan analisis yang terlibat. Setelah itu, keputusan kajian dibincangkan dan bahagian akhir artikel ini merumuskan keseluruhan kajian bersama implikasi dasar.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian lepas yang membincangkan isu kerja sambilan dan kesannya ke atas prestasi akademik pelajar. Ali (2010) mendedahkan 90 peratus daripada pelajar mendakwa kerja sambilan tidak mengganggu masa belajar mereka dan hanya 24 peratus daripada mereka membuat kerja sambilan yang berkaitan dengan bidang pengajian. Kajian yang melibatkan pelajar antarabangsa di Auckland ini, mendapati kesan kerja sambilan ke atas keputusan akademik pelajar adalah bergantung kepada pengurusan masa belajar dan bekerja dengan baik. Pelajar yang dapat menguruskan masa dengan bijak, dapat terus fokus kepada pelajaran manakala pelajar yang gagal menguruskan masa dengan baik pelajarannya akan terkesan dengan kerja sambilan. Carney et al. (2005) menyatakan kerja sambilan boleh memberi impak negatif ke atas prestasi pelajar kerana telah mengganggu masa belajar mereka. Kenyataan ini disokong dengan kajian oleh Mardelina & Muhson (2017) yang mendakwa lebih lama masa yang diperuntukkan untuk bekerja akan menyebabkan kesan buruk ke atas prestasi akademik pelajar. Hal ini demikian kerana, semakin banyak masa yang di ambil untuk bekerja akan menyebabkan semakin kurang masa diperuntukkan untuk tujuan belajar, kehilangan tenaga

yang berterusan serta fikiran juga menjadi kurang fokus kepada pelajaran. Walaubagaimanapun, Muluk (2017) mendapati kesan kerja sambilan ke atas prestasi akademik adalah bergantung kepada beberapa perkara iaitu jumlah jam bekerja seminggu, tempat kerja dan jenis pekerjaan yang dilakukan. Kerja sambilan tidak memberi sebarang kesan kepada keputusan akademik jika pelajar bekerja kurang daripada 15 jam seminggu. Manakala kerja sambilan memberi kesan positif kepada pelajar yang membuat kerja sambilan di dalam universiti serta kerja yang dilakukan berkait dengan bidang pengajian. Dundes & Mark (2006) pula menyatakan pelajar yang melakukan kerja sambilan lebih dari 35 jam seminggu akan menyebabkan pelajarannya merosot dan mereka mengaitkannya dengan faktor tekanan. Pelajar yang tertekan sukar untuk fokus dalam pengajian mereka.

Selain daripada kerja sambilan, terdapat faktor lain yang menjadi pemboleh ubah kawalan dalam kajian ini seperti kekerapan tidak hadir ke kelas. Semakin kerap pelajar ponteng kuliah, semakin tinggi risiko ke atas prestasi akademik mereka dan sebaliknya (Baharin et al, 2007; Latif & Miles, 2013). Jumlah masa ulangkaji juga merupakan faktor yang mempengaruhi keputusan akademik pelajar. Pelajar yang memperuntukkan masa ulangkaji lebih panjang, cenderung mempunyai keputusan akademik yang lebih baik (Hijazi & Naqvi, 2006; Grave., 2011). Bagi aspek daya saing pula, kajian oleh Che Azmi (2014) mendapati daya saing rakan sepengajian adalah faktor motivasi yang menyebabkan prestasi pelajar menjadi lebih baik. Dapatan ini seiring dengan kajian Jacobson & Burdsal (2012) yang mendapati pengaruh rakan sepengajian terhadap prestasi akademik adalah berhubung secara positif iaitu sokongan dan galakan rakan sepengajian dapat menjadi motivasi meningkatkan prestasi akademik pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Data kajian adalah dari sumber primer iaitu dikumpul menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu A, B dan C. Pada bahagian A, pelajar perlu menjawab soalan demografi termasuklah soalan berkaitan umur, jantina dan bidang pengajian (Ekonomi, Pengurusan atau Perakaunan). Di bahagian B pula, soalan berkaitan prestasi pelajar dan rakan sepengajian di universiti yang diprosikan oleh *Cummulative Gred Point Average* (CGPA), manakala soalan C berkaitan sikap pelajar yang sebahagiannya menerangkan tentang kekerapan ponteng kuliah dan peruntukan masa belajar.

Dengan menggunakan kaedah persampelan

rawak, seramai 105 orang pelajar telah dipilih sebagai responden dan kesemua responden ini adalah merupakan pelajar dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Universiti Kebangsaan Malaysia. Pemilihan responden hanya tertumpu kepada pelajar FEP kerana diandaikan kerja sambilan yang dilakukan oleh pelajar dari fakulti ini dapat membantu mereka meningkatkan pemahaman tentang kursus yang diambil yang akhirnya dapat meningkatkan prestasi akademik mereka. Hal ini demikian kerana kebanyakan kerja sambilan yang dilakukan oleh pelajar melibatkan aktiviti perniagaan termasuklah sektor peruncitan, perniagaan atas talian dan terdapat juga pelajar yang terlibat dengan kerja pengurusan dan perakaunan. Walaupun kerja sambilan tidak menjanjikan peranan yang besar tetapi secara tidak langsung dapat membantu pelajar memahami teori yang berkaitan dengan lebih baik. Justeru, kerja sambilan bukan sahaja akan menambahkan pendapatan dan pengalaman tetapi juga dapat membantu mereka menguasai pelajaran dengan lebih baik.

Terdapat dua jenis pemboleh ubah dalam kajian ini iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas. Pemboleh ubah bersandar adalah pencapaian akademik iaitu diperolehi berdasarkan nilai CGPA pelajar. Seterusnya, pemboleh ubah bebas yang digunakan adalah *dummy* bagi pelajar yang bekerja secara sambilan, kekerapan tidak hadir ke kelas, daya saing sesama rakan yang diproksikan oleh CGPA rakan satu kursus yang sama dan masa yang diperuntukan untuk mengulangkaji. Spesifikasi model kajian ini adalah seperti di berikut;

$$CGPA = f(KS, TH, DS, REV)$$

$$CGPA_i = \beta_0 + \beta_1 KS_i + \beta_2 TH_i + \beta_3 DS_i + \beta_4 REV_i + \varepsilon_i$$

dimana,

CGPA adalah Cummulative Gred Point Average

mewakili pencapaian pelajar.

KS adalah *dummy* bekerja sambilan (1-mewakili pelajar bekerja sambilan, 0- sebaliknya).

TH adalah kekerapan tidak hadir ke kuliah dalam sebulan.

DS adalah daya saing rakan sepengajian yang diproksikan oleh CGPA rakan sepengajian.

REV adalah jumlah jam untuk mengulangkaji pelajaran dalam sehari.

Kajian ini menggunakan dua jenis analisis iaitu analisis deskriptif dan analisis regresi. Tujuan menggunakan analisis deskriptif adalah untuk mendapatkan ringkasan data bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan termasuklah nilai min, nilai maksimum dan minimum serta sisihan piawai. Analisis kedua adalah analisis regresi berbilang menggunakan kaedah kuasa dua terkecil (*Ordinary Least Square, OLS*) bagi melihat hubungan antara pemboleh ubah bebas khususnya pemboleh ubah utama kajian iaitu bekerja sambilan dengan pemboleh ubah bersandar, pencapaian akademik pelajar. Kaedah kuasa dua terkecil dipilih kerana kaedah penganggaran ini melakukan anggaran dengan meminimalkan ralat bagi menghasilkan keputusan anggaran yang memenuhi kriteria BLUE (*best linear unbiased estimator*).

KEPUTUSAN KAJIAN

Keputusan kajian dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian pertama yang membincangkan analisis deskriptif dan bahagian kedua membincangkan hubungan antara pemboleh ubah yang diberikan oleh analisis regresi.

JADUAL 1. Jumlah dan peratusan pelajar mengikut jantina

Jantina	Jumlah	Peratusan
Perempuan	62	59
Lelaki	43	41
Total	105	100

Jadual 1 menunjukkan peratusan responden mengikut jantina, di mana responden perempuan didapati melebihi responden lelaki dengan peratusan

masing-masing 59 dan 41 peratus. Hal ini mungkin disebabkan oleh jumlah taburan pelajar perempuan FEP yang lebih banyak daripada pelajar lelaki.

JADUAL 2. Kekerapan dan peratusan antara pelajar bekerja sambilan dan tidak bekerja sambilan

	Kekerapan	Peratusan
Bekerja Sambilan	21	20
Tidak Bekerja sambilan	84	80
Total	105	100

Keputusan analisis dalam Jadual 2 pula menunjukkan daripada 105 orang pelajar FEP, 21 orang daripadanya atau 20 peratus telah terlibat dengan kerja sambilan. Bakinya iaitu majoriti 80 peratus pelajar tidak terlibat dengan kerja sambilan. Hal ini disebabkan

oleh sebahagian besar daripada responden adalah pelajar tahun satu, dimana golongan ini masih kurang pendedahan terhadap peluang bekerja secara sambilan berbanding pelajar senior.

JADUAL 3. Maklumat analisis deskriptif pemboleh ubah kajian

	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
CGPA	1.61	3.85	3.275	0.32
KS	0	1	0.192	0.402
TH	0	4	1.221	0.817
DS	2.9	3.92	3.192	0.263
REV	1	4	1.971	0.935

Seterusnya, Jadual 3 pula menunjukkan ringkasan statistik bagi setiap pemboleh ubah kajian. Purata CGPA pelajar adalah 3.275 dengan sisihan piawai 0.320 manakala purata kerja sambilan adalah 0.192 dengan sisihan piawai 0.402. Nilai maksimum dan minimum bagi CGPA adalah masing-masing 3.850 dan 1.610 yang bermaksud kajian ini telah mengambilkira pelajar

dari kumpulan prestasi rendah iaitu di bawah CGPA 2.00 hinggalah prestasi tinggi melebihi 3.50. Purata tidak hadir ke kelas dan bilangan jam mengulangkaji dalam sehari adalah masing-masing 1 hingga 2 hari sebulan dan 1.971 jam sehari, manakala purata CGPA daya saing rakan sepengajian pula adalah 3.192.

JADUAL 4. Keputusan analisis regresi

Cont	KS	TH	DS	REV
1.845 (0.372) ***	-0.17 (0.068) **	-0.119 (0.034) ***	0.444 (0.105) ***	0.050 (0.030) *
F_{stat}		9.746(0.000) ***		

Nota: *** menunjukkan signifikan pada aras keertian 1%

** menunjukkan signifikan pada aras keertian 5%

* menunjukkan signifikan pada aras keertian 10%

Berdasarkan Jadual 4, keputusan analisis regresi menunjukkan secara keseluruhannya model adalah baik berdasarkan nilai statistik ujian-F yang signifikan pada aras keertian 1 peratus. Ujian-t bagi pemboleh ubah kerja sambilan adalah negatif signifikan dengan aras keertian

5 peratus. Keputusan ini menunjukkan bagi pelajar yang melakukan kerja sambilan, nilai CGPA adalah kurang 0.17 berbanding pelajar yang tidak melakukan kerja sambilan. Bagi pemboleh ubah bebas lain juga signifikan seperti pemboleh ubah kekerapan tidak hadir

ke kuliah dan daya saing rakan yang signifikan pada 1 peratus aras keertian manakala pemboleh ubah jumlah jam mengulangkaji signifikan pada aras keertian 10 peratus. Ini menunjukkan sekali tidak hadir ke kuliah dalam sebulan boleh menyebabkan CGPA pelajar jatuh sebanyak 0.119, manakala pemboleh ubah daya saing menunjukkan peningkatan 1.0 CGPA rakan sepengajian akan mendorong peningkatan CGPA pelajar sebanyak 0.444. Pemboleh ubah terkahir memberi gambaran peningkatan 1 jam belajar dalam sehari boleh membantu meningkatkan CGPA pelajar sebanyak 0.050.

KESIMPULAN

Keputusan kajian menunjukkan kerja sambilan mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang bekerja secara sambilan cenderung untuk memperolehi CGPA kurang 0.17 berbanding rakan sepengajian yang tidak melakukan kerja sambilan. Walaupun kerja sambilan mungkin dapat membantu pelajar memahami kursus mereka dengan lebih baik tetapi kehilangan masa belajar dan tidak dapat fokus didalam kelas lebih besar impaknya kepada pencapaian akademik pelajar. Justeru, pelajar yang berhasrat untuk melakukan kerja sambilan haruslah bijak menguruskan masa belajar dan bekerja supaya tidak mengganggu pelajaran. Selain itu, pelajar juga seharusnya mengambil peluang mempraktikan apa yang dipelajari dengan pekerjaan yang mereka lakukan. Sebagai contoh, pelajar dari bidang pemasaran yang melakukan perniagaan atas talian boleh menggunakan ilmu dan teori yang dipelajari untuk memasarkan produk mereka. Begitu juga bagi pelajar yang bekerja di pasaraya atau restoran makanan segera di mana banyak cabang ilmu yang boleh dipraktikkan seperti pengurusan kewangan dan organisasi, pemasaran pelanggan dan sebagainya. Hasilnya, pelajar lebih menguasai apa yang dipelajari di dalam kelas dan akhirnya dapat membantu meningkatkan prestasi akademik mereka.

Namun begitu, penyelesaian kepada permasalahan ini tidak hanya diletakkan ke atas bahu pelajar. Pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan bersama-sama organisasi bukan kerajaan yang berkaitan juga perlu mencari cara terbaik untuk membantu menangani masalah kewangan dalam kalangan pelajar. Maklumat seperti bantuan kewangan dari dalam atau luar universiti harus disebar dengan lebih meluas kepada pelajar kerana sebahagian pelajar tidak maklum dengan bantuan kewangan yang sedia ada. Dasar dan kurikulum pendidikan juga boleh ditambah baik dengan memberi galakan kepada pelajar untuk menyertai kerja sambilan yang sesuai dan

dijadikan sebahagian daripada aspek penilaian kursus. Melaluinya pelajar bukan sahaja berpeluang menangani masalah kewangan tetapi juga dapat lebih memahami teori didalam dengan lebih baik. Kajian ini hanya melibatkan pelajar FEP untuk melihat sejauhmana ilmu pengurusan membantu pelajar FEP menguruskan masa dan kewangan mereka. Cadangan untuk kajian akan datang adalah melakukan perbandingan antara pelajar FEP dengan pelajar dari fakulti lain yang tidak mempunyai latar belakang ilmu pengurusan secara formal supaya dapat melihat keberkesanan pendedahan ilmu pengurusan ke atas prestasi pelajar.

RUJUKAN

- Ali. E., 2010, Impact of part time work on the academic performance of international students, *Journal of International, Business, Economics and Entrepreneurship*, Vol 2(1) pg 17-22.
- Baharin, A., Othman, M. J., Mohd Shafeq, S. M., dan Haliza, J. 2007. Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti di fakulti pendidikan UTM Johor. Jabatan Asas Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Carney. C., McNeish. S., dan McColl. J. 2005. The impact of part time employment on student's health and academic performance: a scotishh persepective. *Journal of Further and Higher Education*. Vol 29(4) m/s 307-319.
- Che Azmi, A. 2014. The role of competitiveness, gender and ethnicity in influencing academic performance. *Malaysian Online Journal of Educational Management*. Vol 2(1) pg 37-47.
- Dundes, L. & Marx, J. 2006. Balancing work and academics in college: Why do students working 10-19 hours per week excel? *Journal of College Student Retention*, p. 8, 107-120.
- Grave, B.S. 2011. The effect of student time allocation on academic achievement. *Educational Economics*. Vol 19(3). m/s 291-310.
- Hijazi, S. T., dan Rana Naqvi, S. M.M. 2006. Factors affecting students performance. A case of private college, *E Journal of Sociology*. Vol 3(1).
- Jacobson, L.T., and Burdsal, C.A. 2012. Academic Performance in middle school: friendship influence. *Global Journal of Community Psychology Practice*. Vol 2(3).
- Latif, E., dan Miles, S. 2013. Class attendance and academic performance: a panel data analysis. *Economic Papers*. Vol 32(4). m/2 470-476.
- Mardelina. E., dan Muhson. A. 2017. Mahasiswa bekerja dan dampaknya pada aktivitas belajar dan prestasi akademik. *Jurnal Economia*. Vol 13(2) m/s 201-209.
- Muluk. 2017. Part-Time Job and Students' Academic Achievement. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*. Vol 5(3) m/s 361.
- Ukpog, D.E., George, I.N. 2013. Length of study time behaviour and academic achievement of social

studies education students in the University of Uyo. *International Education Studies*. Vol 6(3).
Wang. H., Kong. M., Shan. W., Vong. S.K. 2010. The effect of doing part time jobs on college student

academic performance and social life in chinese society. *Journal of Education and Work*. Vol 23(1). m/s 79-94. m/s 172-178.

Amsyar Hasif Abdul Taib
EG-01 Blok E, Jalan Susur Barli 1,
Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru, Johor.

Suhaila Saad*
Pusat Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID),
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: suhailasaad@ukm.edu.my

Diserahkan: 9 Ogos 2019
Diterima: 9 Ogos 2019